

Najib buat keputusan tak lama lagi tindakan saman Ling, kata peguam
Malaysian Insider
Oct 27, 2015
Oleh Jennifer Gomez

Datuk Seri Najib Razak dijangka membuat keputusan tidak lama lagi sama ada untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap bekas presiden MCA Tun Dr Ling Liong Sik atas kenyataan beliau berhubung cara perdana menteri mengendalikan skandal 1Malaysia Development Bhd (1MDB), kata peguamnya hari ini.

Datuk Hafarizam Harun berkata, beliau menjangkakan untuk memfailkan saman itu pada minggu ini jika mendapat lampu hijau dari perdana menteri.

"Saya akan meminta satu tarikh temu janji hari ini dan berharap untuk mendapatkannya dalam satu atau dua hari lagi bagi mendapatkan arahan sama ada untuk meneruskan atau tidak.

"Dan saya berharap untuk memfailkannya minggu ini, dan biasanya selepas itu, saya akan mengemukakannya kepada Dr Ling atau peguamnya," Hafarizam berkata kepada pemberita di Kompleks Mahkamah Jalan Duta hari ini.

Terdahulu bulan ini, Dr Ling dilaporkan bersetuju dengan bekas bosnya, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang Najib "mengambil wang rakyat dan memasukkannya ke dalam akaun peribadi beliau".

Berikutan kenyataan itu, firma guaman Hafarizam Wan & Aisha Mubarak mengeluarkan surat tuntutan bagi pihak Najib kepada Dr Ling di kediamannya.

Surat bertarikh 5 Oktober itu menuntut permohonan maaf dan pampasan dalam masa 7 hari, jika tidak tindakan undang-undang akan dimulakan.

Bagaimanapun, peguam Dr Ling berkata, pelanggan mereka tetap mempertahankan kenyataannya.

Najib disiasat selepas akhbar The Wall Street Journal yang berpangkalan di Amerika Syarikat melaporkan awal Julai lalu, kira-kira AS\$700 juta (RM2.6 bilion) dipindahkan ke dalam bank akaun peribadi beliau 2 bulan sebelum pilihan raya umum 2013.

Menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), wang itu adalah sumbangan daripada individu di Timur Tengah.

Perdana menteri juga menafikan menggunakan wang awam, termasuk daripada 1MDB, untuk kepentingan peribadi, tetapi timbul persoalan berhubung sumber dan tujuan sumbangan itu dibuat. – 27 Oktober, 2015.

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-buat-keputusan-tak-lama-lagi-tindakan-saman-ling-kata-peguam>